

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 19**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan saringan kesihatan dan pendidikan penjagaan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli (OA) supaya insiden kematian Orang Asli di Kampung Kuala Koh tidak berulang.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk memastikan kecapaian perkhidmatan kesihatan ke populasi OA di seluruh Semenanjung Malaysia melalui fasiliti Klinik Statik dan Klinik Bergerak. Terdapat sebanyak lima (5) buah Klinik Kesihatan dan 11 buah Klinik Desa yang terletak di dalam perkampungan OA di Semenanjung Malaysia.

KKM juga telah menubuhkan 12 Pasukan Bergerak OA (PBOA) khusus bagi memberikan perkhidmatan kesihatan ke populasi OA di pedalaman Pahang, Kelantan, Perak dan Johor iaitu selepas mengambil alih penyampaian perkhidmatan kesihatan daripada pihak JAKOA pada 2012. KKM juga turut menyediakan Pasukan Doktor Udara (PDU) bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan ke Perkampungan OA di pedalaman yang sukar dicapai melalui jalan darat atau air. PBOA ini

## SOALAN NO: 19

bertindak bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan pesakit luar termasuk melakukan Saringan Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan Ibu dan Anak di Perkampungan OA di pedalaman dan pinggiran sekurang-kurangnya setiap empat (4) minggu sekali.

Di samping itu, berbagai bentuk program-program kesihatan dan pendidikan kesihatan yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan langkah-langkah penjagaan kesihatan telah dilaksanakan dalam kalangan individu, keluarga dan masyarakat OA seperti aktiviti promosi penjagaan kesihatan dan amalan hidup sihat seperti Program Jalinan Mesra Kesihatan yang melibatkan Pejabat Kesihatan Daerah bersama JAKOA dan Asyik FM yang dianjurkan antara 4-6 kali setahun. Ianya dilaksanakan samada berdasarkan suku kaum atau lokaliti tempat tinggal OA seperti suku Jahut di Sungai Mai, Jerantut Pahang, suku Temuan di Bukit Legong, Gombak Selangor dan termasuk suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang Kelantan. Seterusnya, kursus dan latihan bagi melatih sukarelawan sebagai *first aider* yang dilakukan di Pos Sindron, Lipis dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) turut dilaksanakan khususnya untuk kes-kes kecemasan seperti *Basic Life Support*.

Selain itu, program *outreach* dan *mass media* di bawah Unit Bergerak Pendidikan Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri yang melibatkan agensi seperti JAKOA dan Majlis Agama Negeri turut dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti tayangan video yang turut diselang-selikan bersama mesej kesihatan, lawatan rumah ke rumah untuk menunjuk cara menjaga kebersihan individu dan nasihat individu seperti etika batuk dan cara pencegahan penularan penyakit berjangkit dengan memberi tumpuan kepada lokaliti pedalaman yang mendapat liputan media yang terhad. Inisiatif untuk memberikan pendidikan kesihatan kepada OA turut melibatkan penubuhan 29 buah Kelab Dr. Muda di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar OA di Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.